

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | FAMA komited bantu pengusaha harumanis Perlis | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 06 Apr 2018 | Color | Full Color |
| Section | Negara | Circulation | 197,202 |
| Page No | 4 | Readership | 875,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 200 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,210 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,631 |



FAMA komited bantu pengusaha harumanis Perlis



BADRUDDIN (tengah) menunjukkan sebahagian daripada hasil tani pada pelancaran Program Jimat Belanja Dapur@Pasar Tani Peringkat Negeri Perlis di Kangar semalam.

KANGAR - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) komited membantu pengusaha mempelam harumanis di Perlis terutamanya melibatkan aspek pemasaran dan jualan di luar negeri itu.

Pengerusinya, Tan Sri Badruddin Amiruldin menyarankan pengusaha mempelam ikon Perlis itu terus berhubung dengan FAMA negeri itu.

Beliau bagaimanapun mahu pengusaha mempelam harumanis menjaga gred dan kualiti buah mempelam itu supaya tidak menimbulkan rungutan pengguna.

"FAMA mempunyai rangkaian pemasaran yang luas seperti pasar tani di Lembah Klang, Melaka, Pasang Putrajaya dan Johor.

"Selain itu, promosi mempelam itu terus diperkasa seperti di stesen televisyen RTM menerusi slot *Suara Kita Hak Kita*, bakal dipromosi di Agro Bazaar KLIA selama sebulan bermula 1 Mei ini selain Kempen Buka Puasa Ramadan dengan buah Harumanis," katanya di Ibu Pejabat FAMA Perlis di sini semalam.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam pelancaran Program Jimat Belanja Dapur (JBD)@

Pasar Tani Peringkat Negeri Perlis.

Majlis perasmian program itu telah disempurnakan oleh Setiausaha Kerajaan Perlis, Datuk Dr. Syed Omar Syarifuddin Syed Ihsan.

Badruddin berkata, FAMA juga akan memperkenalkan kotak berkuatii tinggi dalam tempoh dua minggu lagi bagi mengisi buah mempelam harumanis.

Katanya, kotak eksklusif itu diisi buah harumanis yang telah di-gred dengan sempurna serta label FAMA mengikut saiz antara satu hingga tiga kilogram bagi tujuan memudahkan penghantaran.